

Nama :

Kelas :

SULIT
Bahasa Melayu
Kertas 1
Set 2
2 Jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2004

Bahasa Melayu
Kertas 1 (Set 2)
Dua jam

Arahan Am:

1. *Ada enam puluh soalan dalam peperiksaan ini.*
2. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Anda dikehendaki memilih jawapan yang tepat sekali.*
3. **Jawab semua soalan.**

Soalan-soalan 1 hingga 4 berdasarkan petikan di bawah ini.

Kemalangan jalan raya sering diperkatakan, terutamanya ketika musim-musim perayaan. Bersempena dengan Ops Sikap V yang diadakan sejajar dengan cuti Aidilfitri tahun lepas, berita kemalangan jalan raya dilaporkan saban hari, sama ada melalui media elektronik, mahupun media cetak. Sungguhpun operasi-operasi pencegahan dan penguatkuasaan seperti Ops Sikap V sering diadakan, kes-kes kemalangan jalan raya terus berlaku. Lebih menyedihkan lagi apabila tragedi itu melibatkan kehilangan nyawa penduduk Malaysia, tanpa mengira bangsa dan agama, tatkala meraikan perayaan besar seperti Hari Raya.

Berdasarkan statistik Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR), 67 peratus kemalangan jalan raya berpunca daripada sikap alpa pemandu, tidak bertimbang rasa dan memandu melebihi had kelajuan yang ditetapkan. Selebihnya, sebanyak 28 peratus adalah disebabkan oleh keadaan jalan raya dan lima peratus lagi adalah disebabkan oleh keadaan kenderaan yang tidak diselenggara dengan baik. Statistik yang sama daripada agensi kerajaan berkenaan juga menunjukkan bahawa 58.2 peratus golongan yang terlibat dalam kemalangan jalan raya adalah penunggang dan pembonceng motosikal. Bakinya, iaitu 17.2 peratus membabitkan pemandu dan penumpang kenderaan, manakala 11.0 peratus pula adalah pejalan kaki.

Selain daripada korban dan kecederaan, kemalangan jalan raya turut menyumbang kepada implikasi negatif kepada sektor ekonomi. Perangkaan Majlis Keselamatan Jalan Raya sendiri menunjukkan bahawa kerugian ekoran kemalangan jalan raya terhadap Keluaran Negara Kasar (KNK) adalah RM6.1 juta (1997), RM5.6 juta (1998), RM5.5 juta (1999), RM5.6 juta (2000), RM5.4 juta (2001) dan RM5.4 juta (2002). Selain itu setiap tahun kerajaan dan pihak-pihak yang berkaitan membelanjakan sebanyak RM6 bilion setahun untuk tujuan baik pulih, tuntutan insurans dan bil perubatan akibat kemalangan jalan raya.

Seterusnya, jika diperincikan lagi, kebanyakan mangsa korban kemalangan berusia antara 18-40 tahun. Golongan ini boleh diklasifikasikan sebagai golongan remaja dan belia. Golongan ini merupakan *aset masa hadapan negara*. Kehilangan mereka dalam kemalangan jalan raya turut mengakibatkan kehilangan aset negara. Pendidikan, kemahiran dan kudrat golongan belia sedemikian yang masih bertenaga amat ditagih untuk menjana kekuatan ekonomi negara. Jika masalah ini tidak dapat diatasi, negara akan kekurangan penduduk muda dan keperluan tenaga kerja sehingga mungkin terpaksa bergantung kepada tenaga kerja asing.

Di samping kos perbelanjaan yang meningkat, kemalangan jalan raya yang semakin bertambah boleh mengundang ketidakpercayaan pelabur-pelabur asing dan para pelancong dari luar negara. Golongan pelabur mungkin merasakan bahawa pelaburan mereka di negara ini tidak mendatangkan keuntungan yang dijangka kerana proses penghantaran barang-barang dan bahan mentah akan menjadi lambat disebabkan masalah kemalangan jalan raya yang kerap berlaku di negara ini. Para pelancong asing juga mungkin tidak mahu lagi mengunjungi negara kita sekiranya mereka melalui suatu pengalaman buruk apabila mereka menaiki kenderaan awam seperti teksi, limosin mewah, dan bas

pelancongan yang dipandu oleh sebilangan pemandu yang tidak bertimbang rasa dan enggan patuh kepada peraturan jalan raya serta mempunyai sikap tidak bertoleransi sebagai pengguna jalan raya.

Seandainya fenomena tersebut tidak dibendung, hal ini akan mendatangkan kerugian kepada ekonomi negara yang bergantung kepada pelaburan asing untuk memajukan sektor perindustriannya, selain mengakibatkan kehilangan sumber pendapatan utama dari segi pertukaran wang asing dalam kalangan pelancong asing yang berkunjung ke negara kita.

Oleh yang demikian, satu jalan penyelesaian yang drastik perlu diambil untuk membendung masalah kemalangan jalan raya di negara ini. Antara langkah yang boleh diambil ialah menggantung seumur hidup lesen pemandu-pemandu yang menyebabkan kemalangan maut atau mencederakan orang lain. Bagi maksud penguatkuasaan undang-undang, selain saman, para pemandu yang didenda juga wajar dikenakan mata penalti. Apabila mata penalti berkenaan mencapai tahap-tahap tertentu, lesen mereka perlu digantung serta merta dan mereka perlu mengikuti kursus dan ujian pemanduan wajib sekali lagi sebelum dibenarkan memandu semula. Mungkin juga agensi pelesenan, terutamanya Lembaga Pelesenan Kenderaan Persekutuan (LPKP), wajar menarik balik serta merta permit syarikat pengusaha pengangkutan awam yang pemandunya terlibat dengan kemalangan jalan raya. Ketegasan ini boleh mendorong syarikat dan majikan turut berperanan secara proaktif untuk mencegah kemalangan jalan raya serta memastikan pemandu-pemandu syarikat mereka sentiasa cekap dan mengamalkan pemanduan berhemat di jalan raya

(Diubahsuaikan daripada rencana *Kesan Kemalangan Jalan Raya*, Utusan Malaysia)

1. Yang dimaksudkan dengan '*aset masa hadapan negara*' dalam petikan di atas ialah...
 - I. Mempunyai kebolehan semula jadi.
 - II. Mampu untuk menjana kekuatan ekonomi negara.
 - III. Merupakan tenaga mahir yang berpotensi untuk menjana kemajuan ekonomi negara.
 - IV. Mampu mengendalikan segala urusan yang penting demi kebaikan negara pada masa akan datang.
 - A. I, II, III, IV
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. II, III, IV

2.

Lebih menyedihkan lagi apabila tragedi itu melibatkan kehilangan nyawa penduduk Malaysia, tanpa mengira bangsa dan agama, tatkala meraikan perayaan besar seperti Hari Raya.
--

Perasaan penulis yang tergambar dalam petikan di atas ialah...

- A. bimbang
- B. kesal
- C. simpati
- D. sinis


3. Kerugian utama yang ditanggung akibat kemalangan jalan raya di negara ini berdasarkan petikan di atas ialah...

- A. kehilangan orang yang disayangi
- B. kehilangan sumber pendapatan utama dari segi pertukaran wang asing.
- C. kelambatan penghantaran barang-barang dan bahan mentah
- D. terpaksa bergantung kepada tenaga kerja asing

4. Antara yang berikut, peribahasa yang manakah paling sesuai dikaitkan dengan isu yang dibincangkan dalam petikan di atas?

- A. Alah bisa tegal biasa.
- B. Sekali jalan kena, dua kali jalan tahu .
- C. Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali.
- D. Ingat sementara belum kena, jimat sementara belum habis

Soalan-soalan 5 hingga 7 adalah berdasarkan carta di bawah ini .



5. Berdasarkan carta di atas , negeri-negeri yang terlibat dengan gejala gengsterisme secara serius mengikut urutan ialah...
- A. Selangor ,Perak, Johor , Pulau Pinang.
 - B. Selangor , Perak, Pulau Pinang, Johor.
 - C. Perak , Selangor, Pulau Pinang, Kedah.
 - D. Selangor, Pulau Pinang, Perak, Johor.
6. Antara yang berikut, yang mana relevan dengan cara yang paling baik untuk menangani gejala gengsterisme di sekolah?
- I. Mengenakan tindakan disiplin yang berat ke atas pelajar yang terbabit.
 - II. Menggunakan pendekatan masyarakat prihatin dan kaedah kaunseling.
 - III. Amalkan pendekatan sayang menyayangi antara pelajar dengan peneraju sekolah.
 - IV. Menggalakkan pelajar-pelajar menyertai pelbagai aktiviti kokurikulum di sekolah .
- A. I, II, III, IV.
 - B. I, II, III.
 - C. I, II, IV.
 - D. II, III, IV.
7. Antara yang berikut, yang manakah kesan fenomena itu yang paling membimbangkan masyarakat?
- A. Keciciran di kalangan pelajar yang terbabit.
 - B. Menjejaskan imej sekolah yang terbabit.
 - C. Matlamat Wawasan2020 akan direalisasikan.
 - D. Keselamatan pelajar dan warga sekolah mungkin terancam.

Soalan-soalan 8 hingga 10 adalah berdasarkan petikan di bawah ini .

Krisis air berlaku lagi di Lembah Klang, Negeri Sembilan dan Melaka seperti krisis yang sama tiga tahun yang lalu . Semua pihak yang terlibat terpaksa melakukan persiapan bagi memastikan penduduk di kawasan-kawasan berkenaan mendapat bekalan air. Lori-lori bekalan air perlu bergerak dari kawasan ke kawasan untuk menghantar bekalan tersebut. Ketika itu juga kita melihat penduduk yang terbabit terpaksa mengangkut air ke rumah masing-masing. Bagi mereka yang tinggal di pangsapuri yang tidak mempunyai lif pula , keadaan ini lebih menyeksakan apabila mereka terpaksa mengangkut air. Mungkin hanya itulah cara kita menghadapinya setiap kali krisis air berulang. Namun persoalannya, sampai bilakah kita harus bertindak demikian bak kata orang `sudah terhantuk baru tengadah' ?

Pada tahun 1998, ketika krisis air berlaku, kita mendengar pelbagai rancangan yang dicadangkan oleh pihak berkenaan dalam usaha mengatasi permasalahan tersebut. Malah ada di antara rancangan tersebut cukup menakjubkan iaitu ingin menenggelamkan sebuah kawasan hutan untuk dijadikan kawasan tadahan air. Apa yang lebih menarik bagi kawasan Lembah Klang, ialah air akan 'diimport' dari Perak dan Pahang. Namun, ini hanyalah sekadar perancangan di atas kertas sahaja. Tiada sebarang tindakan pun yang diambil untuk menjayakannya. Akhirnya, apabila krisis air terjadi lagi, penduduk yang terbabit sendirilah yang menyelesaikannya dan sekali lagi kita akan mendengar pelbagai perancangan diutarakan. Sememangnya melahirkan idea dan merancang memang baik, tetapi ia tidak akan bermakna kalau pelaksanaannya sekadar retorik semata-mata.

Justeru, pihak yang berkenaan harus menangani masalah air ini secara serius kerana air ialah nadi bagi kehidupan rakyat. Kita tidak seharusnya menuding jari untuk menyatakan bahawa musim kemarau yang menjadi punca krisis air sedangkan Malaysia menerima purata taburan hujan sebanyak 3,000 milimeter setahun.

Oleh itu, soal kita harus menanggung akibat kekurangan air ketika musim kemarau tidak harus timbul jika sejak dari awal lagi kita belajar daripada pengalaman masa lalu. Laksanakanlah sistem air bawah tanah yang tiga tahun lalu pernah digembar-gemburkan. Ini kerana bekalan air dari sumber berkenaan telah terbukti berkesan di beberapa buah negara terutamanya di Indonesia yang mempunyai 220 juta penduduk. Di negara itu mereka mempunyai dua sistem bekalan air iaitu sistem pam dan air bawah tanah, jika salah satu sistem menghadapi masalah, yang satu lagi akan berfungsi. Cara itu dapat mengelakkan daripada bekalan air dan ke rumah-rumah terputus. Persoalan krisis air akan berlaku apabila kemarau melanda tidak pernah timbul sama sekali. Justeru, masanya sudah tiba bagi pihak-pihak yang terbabit untuk menangani masalah krisis air ini kerana hakikatnya, apabila musim kemarau tiba, pastilah krisis itu berlaku lagi. Rakyat sudah bosan apabila mendengar janji-janji kosong pihak berkenaan dalam mengatasi krisis air.

Kementerian Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air (JBA) serta mereka yang terlibat dalam pengurusan air harus melihat masalah ini dengan lebih serius. Perancangan hendaklah benar-benar dilaksanakan dan bukan sekadar diumumkan untuk mengelakkan diri daripada dikecam oleh rakyat. Apabila krisis air berlaku, catuan terpaksa dilakukan dan melibatkan orang ramai. Namun, kita berharap agar pelaksanaan catuan air tersebut dimaklumkan kepada pengguna sekurang-kurangnya 24 jam dari tempoh pelaksanaannya.

Bagaimanapun untuk menyalahkan pihak yang berkenaan sepenuhnya juga adalah tidak wajar. Orang ramai juga harus mempunyai kesedaran yang tinggi dalam soal krisis air ini. Mereka harus mempunyai kesedaran untuk berjimat cermat dalam penggunaan air. Memang benar bil air dilunaskan oleh orang ramai tetapi ini bukan bermakna kita boleh sewenang-wenangnya membazirkan bekalan tersebut.

Pembaziran air tidak seharusnya berlaku. Dengan menggunakan air secara cermat dan bertanggungjawab, kita dapat memastikan sumber air kita

yang sedia ada tidak terlalu dibebankan atau kering sebelum sampai masanya. Oleh itu krisis air terbaru yang dihadapi oleh kita sekarang seharusnya menjadi pengajaran yang amat berguna kepada semua pihak untuk memperbaiki segala kesilapan kita serta melunaskan perancangan yang sebelum ini tidak dilaksanakan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, Mac, 2002)

8. Maksud yang tersirat dalam perumpamaan 'sudah terhantuk baru tergedah' ialah...

- A. Setelah mendapat kesusahan baru hendak beringat-ingat
- B. Perbuatan yang sudah terlanjur tidak perlu di kesalkan
- C. Tidak menepati janji
- D. Sudah sakit baru berasa kesal

9. Orang ramai boleh menjimatkan air dengan cara...

- I. Mancatu air
- II. Mengimport air dari luar
- III. Menghadkan penggunaan air
- IV. Menggunakannya menurut keperluan sahaja

- A. I, III, IV
- B. II, III, IV
- C. I, III
- D. III, IV

10.

Namun, kita berharap agar pelaksanaan catuan air tersebut dimaklumkan kepada pengguna sekurang-kurangnya 24 jam dari tempoh pelaksanaannya.

Ayat di atas menggambarkan penulis...

- A. Prihatin
- B. Simpati
- C. Tegas
- D. Prejudis

11. Antara yang berikut, yang manakah benar?

- I. Abad ke-14 dan ke-15 merupakan zaman peralihan kerana kedatangan pengaruh Islam di seluruh Kepulauan Melayu .
- II. Teori yang mengatakan Islam dibawa dari India atau Arab oleh para pedagang yang telah berdagang berkurun-kurun lamanya di Kepulauan Melayu.

- III. Teori yang mengatakan bahawa Islam dibawa dari China oleh para pedagang .
- IV. Pengaruh Islam di rantau ini adalah berdasarkan catatan Marco Polo pada tahun 1292.

- A. I, II, III.
- B. II, III, IV.
- C. I.
- D. III

12. Yang berikut adalah sebab-sebab bahasa Melayu berfungsi sebagai lingua franca di Kepulauan Melayu kecuali...

- I. Bahasa itu mudah dipelajari oleh para pedagang asing yang datang.
- II. Bahasa itu bersifat sederhana dan strukturnya boleh diabaikan.
- III. Bahasa Melayu mementingkan status dan kelas dalam masyarakat.
- IV. Orang-orang asing berlumba-lumba untuk mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa pasarnya mudah dituturkan.

- A. I, II
- B. II, III
- C. II, III, IV
- D. III

13. Batu bersurat yang dimaksudkan di bawah ialah...

Batu bersurat ini menunjukkan perkembangan bahasa Melayu dengan kedatangan pengaruh Islam pada masa itu. Batu yang bertarikh 1356 ditulis dengan huruf India serta mengandungi prosa Melayu Kuno dan beberapa baris bahasa Sanskrit. Bahasa dan kata-kata yang terdapat pada batu bersurat ini berbeza daripada bahasa dan kata-kata yang terdapat pada batu bersurat yang ditemui pada abad ke-7. Batu bersurat ini membuktikan bahawa bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan pada zaman itu .

- A. Talang Tuwo
- B. Kadukan Bukit.
- C. Minye Tnjuh.
- D. Pagar Ruyung.

14. Perubahan fonologi bahasa Melayu berlaku dengan kemasukan kata-kata pinjaman daripada bahasa
- I. Arab
 - II. Parsi
 - III. Inggeris.
 - IV. Sanskrit
- A. I, II, III.
B. I, II, IV.
C. I, II.
D. III, IV.
15. Pengaruh paling kuat bahasa Jawa meresap ke dalam bahasa Melayu ialah melalui...
- A. migrasi penduduk
 - B. perkahwinan
 - C. kesusasteraan
 - D. politik
16. Antara yang berikut, yang manakah bukan faktor yang menentukan sapaan dan rujukan?
- A. umur
 - B. jantina
 - C. hubungan
 - D. sifat
17. Antara pernyataan yang berikut, yang mana benartentang pengaruh bahasa di Kepulauan Melayu?
- I. Bahasa Inggeris bertapak di Kepulauan Melayu pada abad ke-18.
 - II. Bahasa Sanskrit bertapak di Kepulauan Melayu melalui pengaruh kebudayaan Hindu .
 - III. Bahasa Jawa berpengaruh di Kepulauan Melayu pada abad ke-11.
 - IV. Bahasa Arab telah bertapak di Kepulauan Melayu pada abad ke-15
- A. I, II, III
B. I, III, IV
C. I, II
D. III, IV

18.

Laras jenis ini merupakan penggunaan bahasa yang tidak melibatkan sebarang bidang ilmu atau konteks khusus. Ia biasanya digunakan dalam perbualan seharian. Jadi, laras ini tidak mengandungi istilah atau pola yang khusus seperti laras bahasa yang lain.

Laras bahasa yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas ialah

- A. Laras media massa
- B. Laras sastera
- C. Laras lisan
- D. Laras rencana


19.

Antara yang berikut, yang mana ciri-ciri bahasa merajuk?

- I Bentuk bahasa ini seakan-akan sama dengan bahasa terbalik
- II Menunjukkan rasa kecil hati atau rendah diri seseorang disebabkan sesuatu perbuatan yang dianggap menghina dirinya.
- III Bahasa ini setara dengan bahasa-bahasa lain yang menunjukkan perasaan.
- IV Diucapkan dengan tidak sengaja untuk merendahkan diri.

- A. I, II, III
- B. II, III
- C. III, IV
- D. II

20.



Dalam rajah di atas, 'H' ialah...

- A. Retorik.
- B. Akronim

- C. Wacana.
- D. Laras

21.

Konsonan ini terhasil apabila berlaku sempitan pada artikulator dan titik artikulasi menyebabkan terhasilnya geseran apabila udara keluar dari paru-paru melalui ruang sempit ini.

Konsonan yang dimaksudkan dalam petikan di atas ialah...

- A. konsonan geselan
- B. konsonan geseran
- C. konsonan getaran
- D. konsonan sengauan.

22. Laras bahasa yang digunakan dalam petikan di bawah ialah...

Untuk menghindari sifat sombong sememangnya susah. Kita hendaklah suka bergaul dengan masyarakat dan ramah-tamah sesama jiran. Sekiranya jiran tetangga kita ditimpa kesusahan, kitalah yang harus segera menghulurkan bantuan dalam apa bentuk yang mampu diberikan kerana itu adalah merupakan tanggungjawab kita yang dituntut oleh agama. Selain itu kita juga hendaklah sentiasa ringan tulang untuk membantu kerja-kerja yang perlu dilakukan bersama seperti mengurus jenazah, otonq-rovona dan kenduri-kendara.

- A. laras biasa
- B. laras agama
- C. laras akademik
- D. laras sastera

23. Antara yang berikut, yang manakah ciri-ciri retorik pemujukan?

- I. Mengandungi kata-kata atau teks yang memberi penjelasan terperinci tentang sesuatu perkara.
 - II. Retorik ini berusaha memujuk pembaca atau pendengar untuk bersetuju dan menerima sesuatu idea atau pendapat.
 - III. Pemujukan tidak rasional banyak memainkan sentimen dan emosi.
 - IV. Pemujukan rasional sama dengan retorik pemerian.
- A. I, II, III
 - B. I, II, IV
 - C. I, II
 - D. III, IV

24. Antara yang berikut, yang manakah sesuai untuk bentuk retorik pemerian?

- A. forum
- B. perbahasan
- C. pantun
- D. taklimat

25. Dari segi jenis, ciri-ciri laras yang paling utama ialah...

- I. Klausa yang digunakan
- II. Perbendaharaan kata
- III. Susunan ayat
- IV. Frasa yang digunakan

- A. I, II, III.
- B. I, II, IV.
- C. I, III, IV.
- D. II, III, IV.

26.

- ◆ Ganti nama ini digunakan untuk menyebut nama orang
- ◆ Orang yang dipanggil berstatus lebih tinggi daripada orang yang bercakap.
- ◆ Ganti nama ini khusus digunakan untuk kaum lelaki sahaja
- ◆ Ganti nama ini tidak digunakan pada orang Melayu yang berketurunan raja atau syed.
- ◆ Orang yang dipanggil dengan ganti nama ini juga haruslah tidak berpangkat seperti haji atau pangkat-pangkat lain.
- ◆ Kata ganti nama ini juga boleh digunakan dengan menggugurkan kata nama selepas kata ganti nama tanpa membawa perubahan pada makna yang didukung oleh kata ganti nama tersebut.

Kata ganti nama untuk menunjukkan perasaan hormat yang dimaksudkan di atas ialah...

- A. Tuan
- B. Encik
- C. Saudara
- D. Datuk

27. Vokal belakang sempit dihasilkan dengan cara...

I	<ul style="list-style-type: none"> • Belakang lidah dinaikkan setinggi mungkin tanpa sekatan. • Udara yang keluar dari paru-paru akan mengalami sempitan ketika melalui bahagian ini.
II	<ul style="list-style-type: none"> • Belakang lidah diturunkan satu pertiga daripada kedudukan asal ketika menghasilkan bunyi vokal ini. • Udara yang keluar dari paru-paru melalui ruang separuh sempit ini akan menghasilkan bunyi vokal ini.
III	<ul style="list-style-type: none"> • Lidah dinaikkan satu pertiga daripada kedudukan asal. • Udara keluar melalui bahagian ini
IV	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian tengah lidah tidak dinaikkan atau diturunkan. • Rongga mulut dibuka sederhana luasnya

- A. I
- B. II
- C. III
- D. IV

28. Yang dimaksudkan dengan bunyi bahasa ialah...
- A. Bunyi yang dihasilkan oleh alat-alat pertuturan manusia tetapi tidak dapat difahami oleh orang yang mendengarnya.
 - B. Bunyi yang dihasilkan melibatkan depan lidah sahaja tanpa melibatkan bahagian lidah yang lain.
 - C. Bunyi yang dihasilkan tanpa halangan, sekatan ataupun sisian pada arus udara yang dikeluarkan dari paru-paru.
 - D. Bunyi yang dihasilkan oleh alat-alat pertuturan manusia
29. Bunyi lateral ialah bunyi yang terhasil apabila...
- I. Artikulator dinaikkan pada lelangit keras sebagai titik artikulasi yang berada di tengah-tengah rongga mulut.
 - II. Alat-alat artikulasi bermula dalam keadaan untuk mengeluarkan bunyi-bunyi vokal lemah dan tidak nyaring.
 - III. Udara yang keluar dari paru-paru terhalang dan keluar melalui sisi lidah untuk menghasilkan bunyi ini.
 - IV. Udara yang keluar dari paru-paru terhalang dan keluar melalui belakang lidah untuk menghasilkan bunyi ini.
- A. I , III
 - B. II, IV
 - C. I, IV
 - D. II, III
30. Vokal depan terdiri daripada
- I. Vokal depan sempit
 - II. Vokal depan separuh sempit
 - III. Vokal depan separuh luas
 - IV. Vokal depan luas

- A. I, II, III, IV
- B. I, II, III
- C. I, II
- D. II, III

31 Bagi pernyataan berikut yang manakah benar tentang bunyi vokal?

- A. semasa bunyi dihasilkan, udara dari paru-paru keluar berterusan melalui rongga tekak dan rongga mulut.
- B. Semasa bunyi dihasilkan, udara yang keluar dari paru-paru mengalami sekatan di rongga mulut.
- C. Semasa bunyi dihasilkan, tiada getaran di pita suara
- D. Semasa bunyi dihasilkan, udara yang keluar dari paru-paru mengalami sempitan di rongga mulut.

32. Antara yang berikut , yang manakah bentuk kata gandaan?

- I. Kata gandaan berangkai.
- II Kata gandaan seluruh.
- III Kata gandaan sebahagian .
- IV Kata gandaan berentak.

- A I, II, III
- B I, III, IV
- C II, III, IV
- D II, IV

33 Proses penggandaan ialah proses...

- I. Menggandakan kata dasar sama ada secara penuh atau seluruh kata dasar.
- II. Menggandakan sebahagian kata dasar atau gandaan secara berentak.
- III. Menggandakan suku kata akhir dan gandaannya terletak pada bahagian depan kata dasar.
- IV Menggandakan pengulangan suku kata pertama dan vokal yang ada pada suku kata akhir kata dasar akan berubah kepada e pepet

- A. I, II, III
- B. I, II, IV
- C. I, II
- D. III, IV

34. Serangan musuh itu datang dari dalam dan luar kota.

Ayat di atas telah mengalami proses...

- A. Pengekodan.
- B. Pengakroniman.

- C. Pengguguran.
- D. Penggandaan.

35. Antara yang berikut, yang manakah ayat tunggal?
- A Budak nakal itu kesayangan neneknya.
 - B Kanak-kanak itu bernyanyi sambil menari.
 - C Raymond rajin belajar tetapi kakaknya pemalas.
 - D Adik suka akan kasut yang baru itu.

36. Kata sifat ini terhasil daripada proses merangkaikan dua kata sifat dasar atau lebih yang membawa maksud tertentu.

Bentuk kata sifat yang dinyatakan di atas ialah...

- A. Kata sifat dasar
 - B. Kata sifat terbitan
 - C. Kata sifat majmuk
 - D. Kata sifat bebas
37. Antara perkataan yang berhuruf condong dalam ayat di atas ialah...
- A. praklausa
 - B. kata perintah
 - C. kata bantu ragam
 - D kata bantu aspek
38. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan prafrasa?
- I. Sejumlah kata yang hadir di hadapan frasa.
 - II. Antara fungsinya sebagai penegas dan penguat .
 - III. Untuk menimbulkan nada seruan.
 - IV. Sebagai kata pangkal ayat .
- A. I, II, III
 - B. II, III, IV
 - C. I, II.
 - D. III, IV

39. Tujuan bahasa ini ialah untuk mengusik seseorang dengan tujuan bersenda gurau atau bersungguh-sungguh dan boleh menimbulkan rasa malu orang yang ditujukan kata-kata itu.

- A. Bahasa mengejek
- B. Bahasa melampau
- C. Bahasa bertimbal
- D. Bahasa menggiat

40.

- ◆ Bilik itu *selesa*.
- ◆ Masakan ibu *sedap* .

Perkataan berhuruf condong dalam ayat-ayat di atas ialah...

- A. Predikat praklausa
- B. Pradikat frasa adjektif
- C. Pradikat frasa kerja
- D. Pradikat frasa nama

41.

Pemandangan di sawah sungguh indah semasa padi sedang menguning.

Kata *menguning* dalam ayat di atas merupakan...

- A. Kata sifat pancaindera.
- B. Kata sifat warna.
- C. Kata kerja transitif.
- D. Kata kerja tidak transitif.

42.

Dia bukan pengetua sekolah itu semasa saya mengajar dahulu.

Contoh ayat di atas menunjukkan ciri-ciri

- I. Adanya ayat induk
 - II. Adanya ayat-ayat kecil yang tidak dapat berdiri sendiri
 - III. Kata-kata hubung menghubungkan ayat induk dengan ayat-ayat keterangan
 - IV. Ayat-ayat keterangan boleh hadir di belakang ayat induk sahaja
- A. I, II, III.
 - B. I, II, IV.
 - C. I, II.
 - D. III, IV.

43.

- ◆ Boleh masuk sekarang
- ◆ Duduklah di sini dahulu

Contoh-contoh ayat di atas telah mengalami pengguguran terdiri daripada jenis...

- A. Pengguguran subjek yang serupa dalam ayat majmuk.
- B. Pengguguran subjek ganti nama diri orang kedua dalam ayat perintah.
- C. Pengguguran subjek ganti nama diri orang kedua dalam ayat silaan.
- D. Pengguguran subjek ganti nama diri orang ketiga dalam ayat Komplemen.

44. Antara yang berikut, pilih pasangan-pasangan kata yang dieja dengan betul.

I	Antisosal	anti-Amerika
II	Ketidakhadiran	menganak sungai
III	rumah tangga	berumah tangga
IV	ke sembilan	Ke-9

- A. I, II, III
B. I, II, IV
C. I, II
D. III, IV
45. Proses yang berlaku pada ayat di bawah ialah...

Yang berkereta merah itu bapa saudara saya.

- I. Pengguguran frasa nama dan peluasan frasa nama.
II. Penyusunan semula frasa nama dan pengguguran frasa nama.
III. Peluasan frasa nama dan pengguguran frasa nama predikat.
IV. Pengguguran frasa predikat dan penyusunan semula frasa nama.
- A. I, II, III.
B. II, III, IV.
C. I, IV.
D. I.
46. Alomorf boleh dibahagikan kepada...
- I. alomorf lingkungan
II. alomorf bebas
III. alomorf dasar
IV. alomorf terikat
- A. I, II, III.
B. I, II, IV.
C. II, III, IV.
D. II, IV.

47. Antara Jenis frasa yang terkandung dalam contoh-contoh ayat di bawah ialah...
- A. Frasa adjektif yang menyatakan darjah biasa.
B. Frasa adjektif yang menyatakan darjah perbandingan.
C. Frasa adjektif yang menyatakan darjah penghabisan.
D. Frasa adjektif yang menerangkan kata nama.

- ◆ Setinggi-tinggi Gunung Everest, dapat juga didaki.
- ◆ Walaupun dia pelajar terpandai, ada juga pelajar lain yang dapat menandinginya dalam peperiksaan akhir.
- ◆ Sekeras-keras batu, boleh juga dihakis oleh angin dan air.

48. Pilih ayat-ayat yang tidak gramatis antara yang berikut.

- A. Di atas meja nota itu.
- B. Membaca akhbar ayah .
- C. Sentiasa tersenyum penjual bunga itu.
- D. Menjadi Nasrul pegawai kadet.

49. Antara ayat-ayat yang berikut , yang manakah bukan ayat berita?

- A. Ayah mengajar adik.
- B. Pokok di belakang rumah saya itu amat tinggi.
- C. Mereka berada di Amerika Syarikar?
- D. Ke sekolahkah Heikal?

50. Antara yang berikut, pilih pernyataan yang betul tentang jenis-jenis ayat.

- I. Ayat dasar hanya terdiri daripada ayat penyata sahaja
- II. Ayat tunggal dan ayat dasar boleh mempunyai lebih daripada satu subjek dan satu predikat.
- III. Ayat tunggal boleh terdiri daripada ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.
- IV. Ayat tanya mempunyai nada menaik serta menggunakan kata tanya.

- A. I, II, III.
- B. I, II, IV.
- C. II, III, IV.
- D. III, IV.

51. Contoh-contoh ayat di bawah terdiri daripada...

- Bayi itu menangis kerana ia lapar .
- Dompok itu bukan di tangannya semasa pengawas membuat pemeriksaan.
- Dia bukan pelajar saya ketika saya mengajar di situ dahulu.

- A. kata hubung pancangan
- B. kata hubung pancangan keterangan
- C. kata hubung pancangan komplemen
- D. kata hubung pancangan relatif

52. Antara imbuhan 'ter-' dalam ayat-ayat yang berikut membawa fungsi yang sama kecuali...
- A. Hanya orang sekuat Badang sahaja yang mungkin *tercabut* pokok yang sebesar itu.
 - B. *Terkawalkah* kita pelajar yang seramai itu?
 - C. Saya rasa dia tidak mungkin *terdaki* bukit yang tinggi itu.
 - D. Janganlah *terperangkap* dalam kancah maksiat.

53.

Pejabat cawangan di tingkat atas.

Contoh pola ayat di atas mengandungi...

- A. lebih daripada dua perkataan dalam subjek dan predikatnya.
 - B. binaan berbentuk klausa.
 - C. konstituen dibentuk oleh satu perkataan sahaja.
 - D. Tiap-tiap konstituen mengandungi hanya satu perkataan sahaja.
- 54.

Pelajar-pelajar *memperindah* kawasan sekolah.

Perkataan berhuruf condong dalam ayat di atas ialah jenis...

- A. Kata bantu aspek.
 - B. Kata bantu ragam.
 - C. Kata kerja terbitan.
 - D. Kata tugas.
- 55.

Golongan kata ini menerangkan sesuatu perbuatan dari segi masa , sama ada belum , sedang atau sudah dilakukan.

Yang dimaksudkan di atas ialah...

- A. Kata bantu aspek.
 - B. Kata bantu ragam.
 - C. Kata kerja terbitan.
 - D. Kata tugas.
56. Antara ayat-ayat yang berikut, yang manakah yang menunjukkan penggunaan imbuhan 'ter-' pada kata kerja yang bermaksud tidak sengaja?
- I. Akhirnya, saya juga turut termakan cakap rakan kami itu.
 - II. Terangkat dia batu yang berat itu?
 - III. Maafkan saya kerana terlama di rumah Aida tadi.
 - IV. Lelaki itu dijumpai terbaring di tepi jalan.

- A. I, II, III
- B. I, II, IV
- C. I
- D. III

57.

Memancing menjadi hobi Ishak

Perkataan '*memancing*' dalam ayat di atas terdiri daripada jenis...

- A. Kata tugas yang berfungsi sebagai subjek.
- B. Kata kerja yang berfungsi sebagai subjek .
- C. Kata kerja yang mengambil tugas sebagai predikat.
- D. Kata kerja yang berfungsi sebagai frasa .

58.

Antara yang berikut, yang manakah membawa maksud akibat daripada sesuatu bagi kata *bekas*?

- A. *Bekas* luka itu masih kelihatan di lengan kirinya.
- B. *Bekas* isterinya meninggal dunia semalam.
- C. *Bekas* bunga itu diperbuat daripada batu marmar.
- D. Pertelagahan antara dua pihak itu membawa *bekas* yang mendalam .

59.

Sesetengah pekerja asing yang diambil untuk bekerja di Malaysia tiada menghadapi masalah dan dapat menyesuaikan diri dengan budaya hidup masyarakat setempat .

Peribahasa yang sesuai dan boleh dipadankan dengan keadaan di atas ialah...

- A Seperti rusa masuk kampung.
- B Kalau pandai meniti buih, tentu selamat sampai ke seberang.
- C Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
- D Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah.

60.

Pilih padanan contoh-contoh yang salah berkaitan dengan sinonim yang dipinjam daripada bahasa asing.

- I. iktisad, politik, sahsiah – kata pinjaman Arab.
 - II. motokar, basikal, bas, beg – kata pinjaman Inggeris.
 - III. wafat, mangkat, mampus, kojol – kata pinjaman Parsi.
 - IV. geografi, geologi, biologi, psikologi – kata pinjaman Inggeris
- A. I
 - B. II
 - C. III
 - D. IV

KERTAS SOALAN TAMAT